

# Keluarga turut kongsi debaran Jun Hoong

**IPOH 20 Julai** - Ibu Cheong Jun Hoong mengakui amat berdebar sewaktu menonton siaran langsung di televisyen aksi anaknya dalam Kejohanan Akuatik Dunia sebelum penerjun negara itu mengesahkan pingat emas acara 10 meter platform wanita di Budapest hari ini.

Leow Lai Kwan, 51, berkata, dia dan suaminya yang menonton siaran langsung Kejohanan Dunia di televisyen pada pukul 2 pagi cemas sepanjang saingan.

Katanya, saingan amat sengit kerana mata yang memisahkan di antara Jun Hoong dan penerjun lain, terutama dari China begitu rapat.

"Sudah tentu saya amat gembira kerana anak saya akhirnya memenangi pingat emas Kejohanan Dunia. Setelah habis pertandingan, dia menghubungi saya dan memberitahu tidak menyangka kini bergelar juara dunia."

"Jun Hoong memberitahu sepanjang terjunan dia tidak melihat papan markah kerana tidak mahu memberi tekanan kepada dirinya sendiri.

"Itu mungkin membantunya muncul juara," katanya ketika ditemui pemberita di kediamannya di sini hari ini.

Menurut Lai Kwan, sebelum bertanding, anaknya ada meng-



**IBU dan adik Cheong Jun Hoong, Leow Lai Kwan (kanan) serta Cheong Jun Yeng berkongsi detik berasih yang dilakar penerjun negara itu ketika meraih pingat emas Kejohanan Akuatik Dunia di kediaman mereka di Ipoh, semalam. - BERNAMA**

hubungnya sekadar memberitahu akan memulakan aksi.

Katanya, dia dan ahli keluarganya yang lain tidak mahu kerap menghubungi Jun Hoong sebelum pertandingan kerana enggan memberikan tekanan kepada dia.

"Kami memang yakin dia mampu memenangi pingat, na-

mun kejayaan memenangi emas memang tidak dijangka langsung apatah lagi dia berjaya memecah dominasi penerjun China," katanya.

Sementara itu, adik Jun Hoong, Cheong Jun Yeng, 24, berkata, kemenangan kakaknya kali ini amat bermakna selepas memenangi pingat perak Sukan Olimpik Rio bersama gandingan Pandelela Rinong dalam acara 10m platform seirama.

Menurutnya, kemenangan di Budapest adalah kemenangan individu, berbeza dengan kejayaan

yang dilakar di temasya Rio tahun lalu.

"Setiap kejayaan sudah tentu kegembiraannya berbeza. Kejayaan di Olimpik dalam acara berpasangan manakala di Kejohanan Dunia, Jun Hoong beraksi dalam acara individu.

"Dalam acara individu, semuanya bergantung kepada dirinya sendiri. Selagi dia melakukan yang terbaik, sudah tentu ada pingat untuknya namun kejayaan memenangi pingat emas amat mengejut kami sekeluarga," katanya.



**CHEONG JUN HOONG** menunjukkan pingat emas acara 10m platform individu wanita yang dimenangi dalam Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest, Hungary semalam. - REUTERS



**CHEONG JUN HOONG** diberi pelukan oleh juara 2015, Kim Kuk-hyang selepas muncul juara dunia di Budapest, Hungary semalam. - REUTERS

## REAKSI

**Kejayaan Cheong Jun Hoong jadi inspirasi rakyat Malaysia**

"TAHNIAH @ cheongjunhoong! Juara dunia pertama #Negaraku dalam acara Platform Terjun Wanita di #FINA-Budapest2017."



**DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri



"SATU lagi pingat emas bersejarah diraih atlet negara, Cheong Jun Hoong pada Kejohanan Akuatik Dunia (FINA) di Budapest. Dalam

tempoh seminggu kebelakangan ini juga, kita telah menerima perkhabaran gembira dari Khairul Hafiz Jantan memadamkan rekod kebangsaan acara pecut 200 meter; Muhamad Ziyad Zolkefli

memecahkan satu lagi rekod dunia dalam acara lontar peluru lelaki F20 di London dan kejayaan Abdul Latif Romly meleburkan rekod kejohanan acara lompat jauh lelaki T20 dalam Kejohanan Dunia Olahraga Para 2017. Setinggi tahniah diucapkan kepada kesemua mereka.

**KAIRY JAMALUDDIN**  
Menteri Belia dan Sukan

"KEJAYAAN ini amat manis bukan sahaja membuktikan sukan terjun adalah sukan elit negara, malah pasukan terjun negara berjaya menempatkan diri sebagai juara dunia yang selama ini dikuasai oleh negara terkuat dalam sukan ini iaitu China. Kejayaan ini amat tepat sekali dengan aspirasi Transformasi Sukan Negara yang membolehkan wujudnya Program Podium. Ia membuktikan bahawa kita mampu menjadi juara dunia".

**DATUK AHMAD SHAPAWI ISMAIL**  
Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara



"INI dia pasangan saya@ cheongjunhoong dia juara dunia. Saya bangga dengan kamu! #FINABudapest2017 #historymade #negaraku #malaysiadivingteam".

**PANDELELA RINONG**  
Pemenang pingat perak Sukan Olimpik (terjun)



"TAHNIAH Cheong Jun Hoong untuk prestasi hebat anda dan menjadi juara dunia pertama dalam terjun. Siapa yang terfikir Malaysia boleh memiliki juara dunia dan sukan yang dipertandingkan dalam Olimpik dan sekarang kita sudah memiliki DUA juara. Kalau anda terus percaya kepada diri sendiri, bekerja keras dan menunjukkan dedikasi kepada apa yang anda lakukan, tiada apa yang boleh menghalang anda mencegah MIMPI".

**AZIZULHASNI AWANG**  
Juara berbasikal kelirin dunia